

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
(PASIR GUDANG)**

TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 54

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu menaikkan taraf Pelabuhan Johor di Pasir Gudang menjadi sebuah pelabuhan bertaraf global seperti Pelabuhan Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) ditubuhkan pada 1 Januari 1975 di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 (Akta 488) untuk mengendalikan Pelabuhan Johor (Pasir Gudang). Sejajar dengan Dasar Penswastaan Negara, Pelabuhan Johor telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Johor Port Berhad (JPB) pada tahun 1995.

2. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa prihatin terhadap perkembangan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia, termasuklah Pelabuhan Johor (Pasir Gudang), di mana antara salah satunya adalah dengan pemantauan berterusan Pelan Pembangunan Pelabuhan yang telah diluluskan.

3. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan untuk membangunkan Pelabuhan Johor (Pasir Gudang), pada tahun 2012 hingga 2019, sebanyak RM611 juta telah dilaburkan bagi tujuan penambahbaikan fasiliti dan infrastruktur pelabuhan. Seterusnya, sejumlah RM574 juta telah diperuntukkan untuk penambahan fasiliti serta peralatan jentera kren di pelabuhan pada tahun 2020 hingga 2024. Antaranya adalah dengan penambahbaikan Terminal Kontena iaitu menambah baik fasiliti rel kereta api dan kren pindah di lapangan kontena, kerja-kerja pemuliharaan di kawasan kontena, serta penambahan *prime mover* di pelabuhan.

4. Selain itu, Terminal Pelbagai Guna dirancang untuk ditambah baik dengan menambah baik Jeti Pukal Cecair dan pengendalian pukal cecair serta pukal kering, dan menyelenggara Jeti *Edible*. Tambahan pula, sistem pelabuhan dirancang untuk ditambah baik dengan menambah baik sistem *Multipurpose Terminal* (MPTS), sistem *Resources Planning* (ERP), dan sistem sokongan pelabuhan serta mengintegrasikan sistem *eGateway*.

5. Selain daripada itu, dengan permintaan yang kian meningkat dan mencabar, pelaburan dalam aspek pendigitalan yang telah dan bakal

dilaksanakan diyakini dapat memastikan pelabuhan ini terus relevan bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan lain. Pihak Kementerian dan Lembaga Pelabuhan Johor juga sentiasa menyokong usaha dan inisiatif oleh JPB untuk memastikan tahap kecekapan pelabuhan dapat dijaga dan terus relevan di mata dunia.

Sekian, terima kasih.